

Program kesihatan percuma rakyat

SIMPANG TIGA – Pancaindera seperti mata begitu penting kepada setiap insan yang dilahirkan di muka bumi ini, namun ada segelintir masyarakat kurang mengambil berat terhadap tahap penglihatan dan aspek penjagaan mata.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Persekutuan (JKKP) Simping Tiga, Ali Omar berkata, menyedari hakikat itu, pihaknya dengan kerjasama Penyelaras BN Dewan Undangan Negeri (DUN) Gombak Setia, Kemas, Klinik Kesihatan Daerah Gombak mengadakan program pemeriksaan mata dan kesihatan percuma yang diadakan selama dua hari.

Menurutnya, menerusi kerjasama pembekal Vista-wave management, pihaknya turut menyediakan cer-

min mata percuma untuk mereka yang mempunyai masalah penglihatan jarak dekat terutama bagi lima warga emas yang terpilih.

“Walaupun julung kali diadakan, namun sambutan yang diterima terutama dalam kalangan penduduk di kampung ini begitu menggalakkan dengan kehadiran pelbagai peringkat umur.

“Melalui program ini penduduk yang hadir bukan sahaja berpeluang menjalani pemeriksaan kesihatan mata malahan juga pemeriksaan kesihatan agar mereka bukan sahaja mengetahui tahap penglihatan mereka tetapi juga kesihatan tubuh badan,” katanya ketika ditemui pada program itu di Tabika Kemas Simping Tiga.

Hadir sama Penyelaras BN DUN Gombak Setia,

Said Anuar Said Ahamd.

Ali berkata, mereka yang dikesan mengalami masalah penglihatan berpeluang membeli cermin mata dengan harga serendah RM50 berbanding di kedai cermin mata.

Salah seorang warga emas yang terpilih mendapatkan cermin mata percuma, Abdul Ghani Arshad berkata, selama ini dia tidak pernah membuat pemeriksaan mata dan tidak menyangka mengalami masalah penglihatan.

Menurutnya, program sebegini memberi kelebihan terutama golongan warga emas seperti yang tidak payah keluar kampung untuk melakukan pemeriksaan mata dan berharap ia dapat diteruskan lagi.

“Sebelum ini saya tidak pernah memakai cermin



● Ali melakukan pemeriksaan mata sambil diperhatikan Said Anuar (dua, kanan).

mata dan melalui pemeriksaan yang dijalankan baru saya tahu rupanya saya mengalami sedikit

masalah penglihatan.

“Penduduk harus mengambil peluang ini lebih lagi ia percuma dan

diadakan di dalam kampung serta memberi manfaat kepada diri dan orang lain,” katanya.